

GARIS PANDUAN MENGADAKAN AKTIVITI PROMOSI DALAM KAWASAN UNIVERSITI

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini adalah untuk menetapkan peraturan bagi tujuan permohonan pihak agensi luar untuk mengadakan aktiviti jualan terus, promosi ,demonstrasi dan pameran dalam kawasan Universiti.

2.0 SYARAT PERMOHONAN

Pihak Universiti akan meluluskan permohonan berdasarkan syarat-syarat berikut

- 2.1 Perkhidmatan/barangan adalah jelas tidak melanggar undang-undang dan tiada unsur keraguan
- 2.2 Aktiviti jualan terus, promosi, demonstrasi, pameran dan perkhidmatan yang ditawarkan dapat memberikan faedah, kemudahan dan kebajikan kepada siswa/siswi dan staf UMP

3.0 SYARAT KELULUSAN

- 3.1 Sesebuah syarikat, agensi atau organisasi perlu mengemukakan permohonan kepada **Pusat Keusahawanan** selewat-lewatnya **7** hari sebelum tarikh promosi bermula. Permohonan perlu disertakan dengan tarikh, masa dan sasaran peserta sama ada pelajar atau staf universiti
- 3.2 Aktiviti dijalankan **TIDAK** dibuat semasa di dalam bilik pejabat, dalam bilik kuliah, kolej kediaman siswa/siswi atau mengganggu kerja atau aktiviti seharian atau proses pengajaran, pembelajaran sama ada melibatkan siswa/siswi atau staf UMP.
- 3.3 Tidak dibenarkan meletakkan pamflet, risalah atau apa-apa bahan bercetak pada kenderaan staf atau pelajar.
- 3.4 Tiada unsur — unsur paksaan kepada mana-mana pihak
- 3.5 Berpakaian kemas dan sopan serta mengikut prosedur dan syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Universiti. **MEROKOK DI DALAM KAWASAN UNIVERSITI ADALAH DILARANG SAMA SEKALI.**
- 3.6 Kegagalan mematuhi syarat yang ditetapkan boleh mengakibatkan **DISENARAIHITAMKAN** dan tidak dibenar meneruskan aktiviti jualan / promosi
- 3.7 Mengisi borang permohonan yang disediakan oleh Universiti

4.0 TEMPAT PAMERAN

Pihak Universiti menyediakan satu ruangan yang ditetapkan untuk tujuan promosi iaitu :

- i) **Ruang Hadapan Kafeteria Eksekutif, UMP**
- ii) **Bawah Payung Putih Kafeteria Kediaman Pelajar 1**
- iii) **Ruang Legar Ampitheatre Berhadapan Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa**
- iv) **Kampus Pekan**

5.0 BAYARAN

Bayaran akan dikenakan kepada setiap syarikat/agensi/organisasi sebanyak **RM 60.00** sehari atas nama Bendahari Universiti Malaysia Pahang. Bayaran dibuat pada hari pertama berlangsungnya promosi tersebut. Kegagalan pihak syarikat/agensi/organisasi mengemukakan slip pembayaran pada hari kejadian akan menyebabkan permohonan dibatalkan serta-merta.

6.0 KELENGKAPAN

Kelengkapan akan disediakan oleh pihak **Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta (JPPH)**. Di antara kemudahan yang disediakan ialah sebuah meja (kaunter) dan 4 unit kerusi. Perkhidmatan bekalan elektrik (soket elektrik) tidak disediakan.

7.0 PEMAKLUMAN

Pemakluman akan dibuat melalui E-Com oleh **Pusat Keusahawanan** sama ada melibatkan siswa/siswi atau staf UMP

8.0 PENUTUP

Garis panduan yang diadakan ni dapat membantu Jabatan Pendaftar dan pihak yang terlibat seperti Pusat Keusahawanan dan JPPH dalam berurusan dengan pihak luar bagi tujuan promosi dan jualan.